

10 NOV 1996

Mahathir-Measat

DR MAHATHIR MUNGKIN TIDAK AKAN SAKSIKAN PELANCARAN MEASAT

Oleh: Azman Ujang

PARIS, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkemungkinan besar tidak akan menyaksikan pelancaran satelit kedua Malaysia, Measat-2 di French Guiana ekoran laporan kekacauan di wilayah berkenaan, kata para pegawai di sini.

Perdana Menteri dijadual tiba di Cayenne, ibu negara French Guiana, Selasa ini selepas lawatan sehari ke Trinidad and Tobago.

Satelit Asia Timur Malaysia (Measat) itu, yang dimiliki oleh Binariang Sdn Bhd, dijadual dilancarkan ke orbit dari Pusat Angkasa Lepas Guyana di Kourou, 60 km dari Cayenne pada 7.40 petang Rabu waktu tempatan (6.40 pagi Khamis waktu Malaysia).

Para pegawai Binariang berkata di sini hari ini bahawa mereka sentiasa berhubung dengan rakan setugas mereka di Kourou bagi mengawasi keadaan.

"Kemungkinan besar pihak berkuasa French Guiana tidak mahu mengambil sebarang risiko dengan membenarkan pesawat Dr Mahathir mendarat di Cayenne," kata seorang pegawai Binariang.

Bernama difahamkan bahawa pihak berkuasa Perancis yang memerintah French Guiana dijangka menasihati Perdana Menteri yang kini dalam rangka lawatan empat hari ke Ghana, supaya membatalkan rancangan lawatan itu.

Laporan dari wilayah itu berkata kerajaan Perancis telah menghantar pasukan polis tambahan ke Cayenne selepas bantahan pelajar mencetuskan kekacauan di jalan raya di bandar itu untuk hari kedua berturut-turut.

Kejadian rusuhan dan mencuri harta benda melanda Cayenne pada hari Khamis ekoran tindakan mogok di sekolah tinggi yang bermula pada 21 Okt sebagai membantah kekurangan kemudahan, merebak dan mencetuskan kekacauan.

Sekumpulan wakil media Malaysia yang dijadual berlepas ke Kourou dari sini hari ini untuk membuat liputan mengenai pelancaran itu telah menengguhkan penerbangan mereka untuk menunggu perkembangan lanjut dari French Guiana.

Para pegawai Arianespace, syarikat Eropah yang mengendalikan pelancaran itu, dijangka mengadakan persidangan berita untuk wartawan Malaysia hari ini.

Penolong setiausaha akhbar Dr Mahathir, Zakaria Abdul Wahab yang turut dijadual berlepas ke Kourou bersama-sama wartawan berkenaan berkata beliau percaya Perdana Menteri akan dimaklumkan menerusi saluran diplomatik mengenai keadaan di French Guiana itu.

Measat-2, seperti juga Measat-1 yang dilancarkan dari tempat yang sama Januari lalu, dibina oleh syarikat Hughes Space and Communications Inc dari Amerika Syarikat.

Satelit penyiaran dan komunikasi itu memakan belanja RM600 juta untuk dibina, dilancar dan beroperasi.

Measat-1 dengan jangka hayat selama 12 tahun dan Measat-2 dengan jangka hayat 11 1/2 tahun, akan membentuk sistem satelit serantau Binariang untuk menyediakan kemudahan komunikasi dan penyiaran secara serentak dan serta merta di Asean di samping Myanmar, Hong Kong, selatan China, Kemboja, Laos, Australia, Guam dan Korea Selatan.

Pengerusi Binariang Tun Haniff Omar memberitahu Bernama di sini bahawa sungguhpun jangka hayatnya terhad, bidang perniagaan satelit menguntungkan kerana ia akan membolehkan Binariang menyediakan kemudahan komunikasi terkini kepada pelanggannya.

Ia akan membolehkan pertukaran maklumat, data, idea dan kebudayaan antara Malaysia dan negara-negara Asia yang lain selain dengan

negara-negara di seluruh dunia.

Sistem jaringan telekomunikasi bersepadu Binariang akan turut memberi kemudahan kepada Malaysia berhubung dengan rakan-rakan dagangnya di seluruh dunia. -- BERNAMA

AU MZ MAI